

PKR dedah bukti Jamil Khir dan dua pegawai MAIWP gunakan wang zakat
The Malaysian Insider
11 Januari , 2012

PETALING JAYA, 11 Jan — PKR hari ini menolak penafian Datuk Seri Jamil Khir Baharom berhubung penyalahgunaan wang zakat menambah akan mengemukakan laporan terhadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama dokumen yang menyokong dakwaan itu.

Pengarah Komunikasi PKR Nik Nazmi Nik Ahmad (gambar) hari ini mengedarkan kepada pemberita dokumen-dokumen yang menunjukkan Jamil Khir dan dua pegawai kanan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menggunakan RM63,650 wang zakat untuk membiayai kos guaman dalam menghadapi kes permohonan qazaf Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2010.

Dokumen pertama menunjukkan baucer pembayaran dari MAIWP berjumlah RM32,150 bertarikh 29 April 2010 kepada sebuah firma guaman sebagai "pembayaran kos guaman untuk kes Datuk Seri Anwar Ibrahim lawan Shabsuddin Hussain, Datuk Che Mat Che Ali dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom".

Dinyatakan dengan jelas baucer itu telah disalurkan dari wang zakat MAIWP.

Jamil Khir, menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam, sementara Che Mat adalah Setiausaha MAIWP dan Shabsuddin adalah ketua pendakwa MAIWP.

Menurut Nik Nazmi, baucer pembayaran itu telah didedahkan kepada PKR oleh pegawai MAIWP tahun lepas dan perkara itu kemudian dibangkitkan di Parlimen pada Jun oleh Ahli Parlimen Machang Saifuddin Nasution Ismail.

"Kamu kemudian membawa kes ini kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) untuk tindakan selanjutnya. PAC kemudian meminta satu siasatan dilakukan oleh Ketua Audit Negara," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Setia ini turut mengedarkan salinan sepucuk surat daripada Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang kepada Pengerusi PAC Datuk Seri Azmi Khalid bertarikh 21 November 2011 mengesahkan RM63,650 wang zakat telah digunakan untuk membiayai kos guaman ketiga-tiga individu itu,

Dalam surat itu, Ambrin mengesahkan Che Mat telah meluluskan satu bayaran interim berjumlah RM31,500 dari MAIWP "peruntukan sumber untuk khidmat guaman" pada 28 Januari 2010.

"Pembayaran ini telah diluluskan pada 9 Februari 2010 melalui baucer No. 2010B01304, untuk menggunakan wang zakat terlebih dahulu memandangkan geran kerajaan masih belum diterima," kata Ambrin.

Ambrin juga mengesahkan pembayaran baucer kedua MAIWP berjumlah RM32,150 pada 29 April 2010, menjelaskan ia adalah untuk menyelesaikan kos guaman dalam kes qazaf.

Beliau berkata MAIWP telah menerima geran kerajaan sebanyak RM700,000 pada 22 Jun dan Disember tahun lepas, majlis agama itu menggunakan wang itu untuk membayar balik

RM63,650 wang zakat.

“Dalam penafiannya, Jamil Khir tidak pernah menyentuh tentang pengesahan laporan Ketua Audit Negara mengenai dua pembayaran itu - pada Februari 2010 dan April — yang menggunakan wang zakat.

“Menurut Ketua Audit Negara, wang itu digantikan pada Disember, enam bulan selepas digunakan,” kata Nik Nazmi.

Katanya, walaupun wang zakat telah diganti semula namun perbuatan ketiga-tiga individu itu menggunakan wang zakat untuk membiayai kos guaman melanggar Kanun Jenayah.

“PKR berpendapat penyalahgunaan sedemikian adalah perkara yang serius bagi sesebuah institusi Islam. Saya akan buat laporan di balai polis Dang Wangi pada pukul 11 pagi esok dan serahkan dokumen ini,” katanya.

Semasa menafikan dakwaan itu tahun lalu, Jamil Khir menegaskan beliau telah membayar kos guaman menggunakan geran kerajaan dan bukan wang zakat.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-dedah-bukti-jamil-khir-dan-dua-pegawai-maiwp-gunakan-wang-zakat/>